

NO. SOALAN : 60

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS  
[TELOK KEMANG]**

**TARIKH : 29 MAC 2018 (KHAMIS)**

**Dato' Kamarul Baharin Bin Abbas [ Telok Kemang ] minta MENTERI  
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN  
KEPENGUNAAN menyatakan :-**

- a) apakah langkah-langkah proaktif Kementerian bagi meningkatkan kuasa membeli di kalangan masyarakat agar para peniaga tidak memindahkan kos kepada pengguna yang menyebabkan harga barangan meningkat naik dan membebankan rakyat; dan
- b) langkah Kementerian mewujudkan model baru Kedai Rakyat 1Malaysia 2.0 di seluruh negara bermula tahun ini dalam bentuk yang berbeza selepas diwujudkan Kedai Rakyat 1Malaysia 1.0 pada tahun-tahun sebelumnya dengan belanja dijangka mencecah RM100 juta.

**JAWAPAN:****Tuan Yang Di-Pertua,**

Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan sistem ekonomi pasaran terbuka, di mana kuasa pasaran (*market forces*) memainkan peranan penting dalam penentuan harga barangan di samping pengaruh faktor-faktor dalaman dan luaran yang lain seperti kadar tukaran wang asing, perubahan cuaca, kadar upah dan sebagainya. Pada masa yang sama, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) sentiasa menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan peniaga tidak mengambil keuntungan secara berlebihan dan membekalkan barangan dengan harga yang berpatutan kepada pengguna.

Langkah-langkah kawalan harga barang yang dilaksanakan bagi mengekang peniaga yang tidak bertanggung jawab, antara lainnya ialah seperti berikut:

- 1) Menguatkuasakan **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011** bagi mengawal pengambilan keuntungan secara tidak munasabah oleh peniaga;
- 2) Menguatkuasakan **Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1993** bagi mewajibkan peniaga meletak tanda harga atau senarai harga ke atas barangan yang dijual;
- 3) Melaksanakan **Skim Kawalan Harga Musim Perayaan** pada musim-musim perayaan utama;

- 133
- 4) Mewujudkan **Skuad Tindakan Aduan dan Resolusi (STAR)** dan **Special Action Squad (SAS)** untuk menyelesaikan aduan rakyat dengan **cepat dan pantas**; dan
  - 5) menyediakan **pelbagai medium penyaluran aduan** bagi memudahkan rakyat mengemukakan aduan.

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Pembangunan semula inisiatif Kedai Rakyat 1Malaysia melalui KR1M 2.0 dilaksanakan oleh Kerajaan dengan memperkenalkan model perniagaan baharu melibatkan kerjasama antara pihak Kerajaan dengan rakan kongsi strategik KR1M 2.0. Melalui model ini perniagaan tersebut adalah dikendalikan sendiri oleh pemilik perniagaan (*owner-operator*) dan pemasangan papan tanda secara penjenamaan bersama (*co-branding*).

Inisiatif KR1M 2.0 dilancarkan sebagai penambahbaikan kepada KR1M sebelum ini dan membabitkan kerjasama daripada pelbagai pihak. KR1M 2.0 juga bakal membuka peluang perniagaan kepada pengeluar dan pengilang tempatan dan pada masa yang sama membolehkan rakyat mendapat produk keperluan asas dan berkualiti pada harga yang berpatutan.

Secara umumnya, pelaksanaan KR1M 2.0 dilaksanakan melalui kerjasama strategik dengan syarikat peruncitan yang berkaliber dan berkeupayaan tanpa bantuan kewangan daripada pihak Kerajaan.